

02

EDISI KEDUA



GSMfSr

BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

www.kedah.uitm.edu.my JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Kunjungan oleh
Pro-Canselor UiTM
YBHG. Tan Sri
Dato' Seri Utama
(DR) Arshad Ayub
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018
Art Meet Science
Pensyarah FSSR pameran
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok
Berwajah Baru

oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Jurugambar
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

PENULIS

Shuhaila Md Shahid
Dr Faryna Mohd Khalis
En Zaidi Yusoff
Dr Nurul Ayn Sayuti
En Abdullah Kula
Dr Shafila Subri

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

Pada 6 OGOS 2018 Galeri Seni Merbok menerima kunjungan oleh Pro-Canselor UiTM iaitu YBHG. Tan Sri Dato' Seri Utama (DR) Arshad Ayub. Turut serta mengiringi beliau adalah Rektor UiTM Kedah iaitu Prof Madya Dr Shaiful Anuar Khalid. Kedatangan beliau sekitar jam 3.45 petang disambut oleh pensyarah FSSR UiTM Kedah. Beliau meluangkan masa hampir satu jam melihat karya-karya di dalam galeri dan turut memberi nasihat dan idea untuk memajukan lagi galeri agar lebih cemerlang. Beliau berpendapat banyak potensi pada karya yang dihasilkan pelajar yang sepatutnya boleh dikomersialkan ke peringkat yang lebih tinggi. Kunjungan ini adalah yang kedua oleh Tan Sri Arshad selepas kunjungan pertama pada 8 November 2016.



KUNJUNGAN Pro-Canselor UiTM YBHG. Tan Sri Dato' Seri Utama (DR) Arshad Ayub ke GALERI SENI MERBOK



YB Mohd Asmirul Anuar Aris meninjau karya pensyarah bersama Rektor UiTM Kedah

PENSYARAH FSSR PAMER KEHEBATAN

oleh : Faryna Mohd Khalis

Bersempena dengan penganjuran oleh Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah bersama Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara (Kedah) di Gunung Keriang, Alor Setar turut terlibat adalah pensyarah melalui pameran sebanyak 12 karya. Apa yang lebih menarik terdapat 6 buah karya yang bertemakan loghat negeri Kedah seperti karya bertajuk 'Conteang' oleh Puan Nurul Atikah, 'Panaih lit-lit' oleh Dr Neesa Ameera, Ghenyih oleh Encik Nizar Nazrin dan Awat lagu tu oleh Dr Faryna. Selain itu pameran turut disertai oleh pelajar-pelajar daripada semester 1 sehingga 4 bagi kursus Diploma Seni Perindustrian dan pelajar Grafik dan Media Digital.